

04 NOV 2003

Abdullah-Keselamatan

ABDULLAH PUAS HATI KEADAAN KESELAMATAN NEGARA

PUTRAJAYA, 4 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mempengerusikan mesyuarat Majlis Keselamatan Negara (MKN) hari ini, buat pertama kali setelah dilantik menjadi Perdana Menteri, dan secara keseluruhannya beliau berpuashati dengan keadaan keselamatan negara.

Ketika menyatakan perkara itu, Setiausaha MKN Datuk Jaafar Ismail yang juga Ketua Pengarah Bahagian Keselamatan Negara, berkata Abdullah dalam pada itu membuat beberapa gesaan bertujuan meningkatkan lagi prestasi MKN dalam memastikan keselamatan negara terjamin.

"Beberapa gesaan telah beliau buat kepada kami dan kami menerima dan akan menjalankan tugas-tugas itu," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat empat jam di Pejabat Perdana Menteri di sini.

Jaafar bagaimanapun enggan menyatakan apakah gesaan itu dan sebaliknya menyatakan bahawa semuanya adalah untuk kebaikan negara.

Antara yang hadir pada mesyuarat itu ialah Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman dan Timbalan Ketua Polis Negara Datuk Seri Mohamed Bakri Omar.

Abdullah dilantik sebagai Perdana Menteri kelima Malaysia Jumaat lepas menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamad yang bersara selepas berkhidmat sebagai ketua kerajaan selama 22 tahun.

Para pegawainya berkata Abdullah, yang sebelum ini menjadi Timbalan Perdana Menteri, turut memegang portfolio kewangan selain hal ehwal dalam negeri.

Menurut Jaafar, selain mendengar taklimat mengenai kedudukan keselamatan tanah air, Abdullah yang kini menjadi Pengarah Gerakan Negara, mengemukakan banyak pertanyaan.

"Semuanya saya berasa boleh diterima oleh Perdana Menteri baru kita. Saya juga berasa taklimat hari ini menyenangkan kerana Pak Lah sendiri sebagai TPM dulu memang biasa dengan mesyuarat seumpama ini.

"Dan beliau sendiri telah terlibat dalam beberapa jawatankuasa sewaktu menjadi TPM. Jadi senang untuk beliau memahami hal-hal berkaitan keadaan keselamatan negara yang sememangnya terjaga," katanya.

Mesyuarat hari ini juga maklum bahawa peralihan kuasa yang baru berlangsung di negara ini berjalan lancar tanpa sebarang kejadian yang tidak diingini.

Jaafar berkata kes penculikan enam warga asing di Borneo Paradise Eco Farm Resort di Kunak, Sabah, bulan lepas juga disentuh pada mesyuarat itu, termasuk penjelasan mengenai perkembangan terbaru oleh Najib.

"Kita belum dapat ketentuan sama ada laporan yang menyatakan lima daripada mereka itu telah mati, mereka benar-benar mati," katanya.

-- BERNAMA

MAM RON